

# Kembali bekerja tempat sendiri: Mahathir

MELAKA, Khamis —  
Datuk Seri Dr Mahathir  
Mohamad meminta pe-  
kerja Malaysia di luar  
negara kembali bekerja  
di negara sendiri kerana  
upah yang ditawarkan  
mencukupi.

Lagi pun, Perdana  
Menteri berkata, kos  
sara hidup di Malaysia  
jauh lebih rendah, mana-  
kala kuasa beli di negara  
ini lebih baik berbanding  
negara asing.

"Walaupun upah kita  
rendah daripada negara  
asing, di segi kuasa beli,  
ia masih lebih baik," ka-  
tanya ketika merasmi-  
kan kilang tekstil Hua-  
lon, di Tangga Batu, di  
sini.

Dr Mahathir berkata,  
rakyat tidak boleh men-  
desak kerajaan jangan  
membenarkan pekerja  
asing datang ke negara  
ini jika mereka tidak  
menghargai tawaran  
kerja oleh kerajaan, se-  
baliknya bekerja di ne-  
gara lain.

Menurutnya, amat me-  
malukan jika rakyat ne-  
gara ini menyeludup ke  
negara lain mencari pe-  
kerjaan yang layanan di-  
terima tidak lebih dari-  
pada penjenayah.

Bercakap kepada pem-  
berita selepas itu, beliau  
berkata kerajaan hanya  
mampu memujuk rakyat  
Malaysia yang bekerja di  
luar negara supaya kem-  
bali dan terpulang ke-  
pada mereka membuat  
keputusan.

"Tidak ada gunanya  
jika gaji yang diperolehi  
di luar negara meningkat  
10 kali ganda berbanding  
gaji yang agak baik di-  
perolehi ketika bekerja  
di negara ini.

"Umpamanya di Je-  
pun, gaji mungkin 10 kali  
ganda tetapi terpaksa  
membayar \$200 untuk  
sebiju tembikai dan se-  
mangkuk mi \$25. Ini ti-  
dak ada makna," kata-  
nya.

Menurutnya, tidak ada  
gunanya rakyat negara  
ini bekerja di luar ne-  
gara tetapi terpaksa me-  
larikan diri ke merata  
tempat, ditangkap dan  
dilayan seperti penjena-  
yah walaupun berpenda-  
patan besar.